



## TEORI DAN PENGETAHUAN SOSIOLOGI DALAM PENDIDIKAN MENURUT PERSPEKTIF IBN KHALDUN: SATU ULASAN

### *SOCIOLOGICAL THEORY AND KNOWLEDGE IN EDUCATION ACCORDING TO PERSPECTIVE IBN KHALDUN'S: ONE REVIEW*

Nurul Aini Zainal Abidin<sup>1</sup>, Azhar Hj Wahid<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: nurulzinala@gmail.com

<sup>2</sup> Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: azhar@fbk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 25.08.2025

Revised date: 10.10.2025

Accepted date: 06.11.2025

Published date: 04.12.2025

##### To cite this document:

Abidin, N. A. Z., Wahid, A. H. (2025). Teori Dan Pengetahuan Sosiologi Dalam Pendidikan Menurut Perspektif Ibn Khaldun: Satu Ulasan. *International Journal of Modern Education*, 7 (28), 281-295.

DOI: 10.35631/IJMoe.728022

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Artikel ini mengkaji kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam perkembangan ilmu pengetahuan, khususnya dalam konteks pendidikan yang berkait rapat dengan peradaban Islam dan tamadun global. Berdasarkan perspektif Ibn Khaldun, seorang pelopor dalam teori kemasyarakatan dan sosiologi, artikel ini membincangkan pandangan serta sumbangan beliau terhadap bidang ini. Fokus utama merangkumi peranan transformasi pendidikan dalam memajukan ketamadunan ilmu pengetahuan serta gagasan-gagasan utama Ibn Khaldun dalam ilmu sosiologi. Pendekatan Ibn Khaldun dalam menganalisis dan mempertahankan peradaban secara menyeluruh dihasilkan melalui kerangka pemikiran yang unik dan tersendiri. Kajian ini membincangkan sumbangan Ibn Khaldun terhadap transformasi pendidikan dan kemajuan ketamadunan. Umat Islam menghadapi krisis nilai akibat penerimaan nilai liberalisme dan sekularisme secara tidak kritis dalam sistem pendidikan kontemporari, menyebabkan ketergantungan kepada Barat serta kealpaan terhadap warisan keilmuan Islam. Pendekatan ulasan literatur dan analisis kandungan terhadap Muqaddimah serta sumber sekunder, melalui pemerhatian empirik dan analisis sistematik. Kesimpulannya, kematangan Ibn Khaldun sebagai cendekiawan Islam dalam memacu pembangunan insan terbukti melalui keberkesanan dan relevansi pemikirannya yang kekal hingga kini.

**Kata Kunci:**

Teori Sosiologi, Ilmu Pengetahuan, Pendidikan, Ibn Khaldun

**Abstract:**

This article examines the importance of sociological theory and knowledge in the development of knowledge, especially in the context of education which is closely related to Islamic civilization and global civilization. Based on the perspective of Ibn Khaldun, a pioneer in social theory and sociology, this article discusses his views and contributions to this field. The main focus includes the role of educational transformation in advancing the civilization of knowledge as well as Ibn Khaldun's main ideas in sociology. Ibn Khaldun's approach in analyzing and defending civilization comprehensively is produced through a unique and distinctive framework of thought. This study discusses Ibn Khaldun's contribution to the transformation of education and the progress of civilization. Muslims are facing a crisis of values due to the uncritical acceptance of liberalism and secularism in the contemporary education system, causing dependence on the West and neglect of the Islamic scholarly heritage. A literature review approach and content analysis of the Muqaddimah and secondary sources, through empirical observation and systematic analysis. In conclusion, Ibn Khaldun's maturity as an Islamic scholar in driving human development is proven through the effectiveness and relevance of his thoughts that remain to this day.

**Keywords:**

Sociological Theory, Science, Education, Ibn Khaldun

**Pengenalan**

Warisan keilmuan dalam dunia Islam telah mencatatkan kemajuan yang signifikan dalam perkembangan ilmu pengetahuan merentasi pelbagai zaman dan ruang. Pelbagai ulama, cendekiawan, dan pemikir telah menyumbangkan karya-karya monumental dalam pelbagai disiplin ilmu, yang secara tidak langsung telah memperkukuh pembinaan dan kemajuan peradaban manusia sejagat. Sumbangan mereka bukan sahaja memperkaya khazanah keilmuan Islam, tetapi juga menghasilkan gagasan yang melampaui batas zaman mereka. Integrasi antara ilmu naqli dan aqli dalam karya-karya ini menunjukkan kesepaduan yang unik, berbeza dengan kecenderungan cendekiawan kontemporari yang sering terbatas pada kepakaran khusus dalam satu bidang sahaja.

Kajian sosiologi berpangkal pada pemerhatian terhadap dinamika kehidupan sosial yang memainkan peranan asas dalam memahami tingkah laku manusia. Teori sosiologi, yang dibangunkan melalui pendekatan empirikal, bertujuan untuk menjelaskan sebab dan akibat di sebalik fenomena sosial. Ahli sosiologi kerap menggunakan andaian saintifik untuk merumuskan teori yang membolehkan ramalan tepat terhadap tingkah laku manusia pada masa hadapan. Dalam konteks ini, ilmu sosiologi menawarkan tiga kepentingan utama. Pertama, ianya meningkatkan keupayaan masyarakat untuk memahami dan berinteraksi secara efektif dalam komuniti yang pelbagai, memupuk komunikasi dan kerjasama yang berkesan. Kedua, ilmu sosiologi membolehkan penilaian isu-isu sosial dengan lebih mendalam, dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan setiap aspek yang dikaji. Ketiga, ilmu ini menyediakan peluang untuk membuat keputusan termaklum berdasarkan analisis menyeluruh terhadap peristiwa sosial, seterusnya menyokong pembangunan individu dan masyarakat secara holistik.

### **Evolusi Awal Ilmu Pengetahuan**

Antara tokoh cendekiawan Islam yang terbilang dalam bidang ilmu kemasyarakatan ialah Ibn Khaldun, yang telah menyumbangkan pandangan mendalam terhadap pelbagai aspek utama ketamadunan Islam. Karya-karyanya yang monumental, seperti *Muqaddimah*, telah diiktiraf dan kekal relevan merentasi zaman kerana keunggulan intelektualnya. Cendekiawan kontemporari perlu mengambil iktibar daripada sejarah kegemilangan dan kejatuhan tamadun Islam untuk memahami cabaran masa depan umat Islam. Sepanjang sejarah, para ilmuwan Islam telah berusaha mengukuhkan dan menterjemahkan prinsip-prinsip asas ketamadunan melalui pelbagai pendekatan Faisal Othman (1993). Ironinya, pada masa kejatuhan tamadun Islam, dunia menyaksikan kemajuan pesat dalam perkembangan ilmu pengetahuan, yang turut dipengaruhi oleh sumbangan ilmuwan Islam terdahulu.

Umat Islam kini semakin berhadapan dengan krisis nilai akibat penerimaan nilai-nilai baharu secara tidak kritis, tanpa menilai kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip Islam. Krisis ini berpunca daripada pengaruh aliran liberalisme dan sekularisme yang menjadi asas kepada sistem pendidikan kontemporari. Akibatnya, muncul golongan akademik yang menganut fahaman liberal dan sekular, yang memisahkan kemajuan ilmu pengetahuan dan kecemerlangan intelektual daripada pembentukan peribadi dan spiritual. Kesedaran perlu dipupuk dalam kalangan umat Islam bahawa Islam merupakan cara hidup yang syumul, merangkumi semua aspek kehidupan. Ketergantungan berterusan umat dan negara Islam terhadap Barat dalam bidang sains dan teknologi perlu dielakkan, kerana ini boleh melemahkan daya tahan dan kemajuan umat Islam secara keseluruhan.

Kelemahan umat Islam dalam menghadapi pengaruh tamadun Barat dapat diatasi melalui penguasaan ilmu pengetahuan, kerana hanya individu yang berilmu mampu menangani cabaran dan ancaman global. Teladan utama yang kekal relevan ialah perjuangan dan pengorbanan Rasulullah SAW dalam membangun tamadun Islam. Kelahiran Islam di Makkah dan penubuhan kerajaan Islam pertama di Madinah menandakan detik bersejarah yang mengubah lanskap peradaban dunia. Melalui akhlak mulia dan bimbingan Rasulullah SAW bersama para sahabat, penduduk tanah Arab yang berbilang kaum disatukan melalui ikatan akidah dan ukhuwah yang kukuh.

Keteguhan ini membolehkan tamadun Islam mendominasi dunia dari abad ke-7 hingga ke-18 Masihi, mencorak sejarah global dengan pencapaian luar biasa. Sejarah mencatatkan bahawa tamadun Islam melahirkan ramai sarjana terbilang dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Menurut Azam Hamzah (2006), kemajuan sains, teknologi, dan disiplin ilmu lain dalam dunia Islam pada masa itu tidak dapat ditandingi oleh mana-mana tamadun lain. Pusat-pusat keilmuan seperti Baghdad di Asia, Cordova di Eropah, dan Iskandariah di Afrika menjadi nadi kegiatan intelektual dan budaya, melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Cendekiawan Islam telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sains, teknologi, dan ilmu-ilmu lain meletakkan asas bagi kemunculan Zaman Renaissance di Eropah. Sumbangan ini, termasuk usaha penterjemahan dan pengkajian ilmu dari dunia Islam, khususnya di Andalusia, menjadi pemangkin kepada kebangkitan tamadun Barat moden, yang sebelumnya berada dalam Zaman Kegelapan. Ironinya, kemajuan Eropah ini turut didorong oleh kealpaan umat Islam pada masa itu, yang membolehkan Barat memanfaatkan peluang untuk bangkit sebagai kuasa global. Perkembangan ilmu pengetahuan ini menjadi titik tolak

kepada transformasi moden tamadun Eropah, menggariskan kepentingan kesedaran dan keilmuan dalam memastikan kemajuan umat Islam.

### **Transformasi Ilmu Pengetahuan Dalam Pendidikan**

Pendidikan sentiasa mengalami transformasi dan pembaharuan yang didorong oleh pelbagai faktor saling berkaitan, yang akhirnya melahirkan pendekatan dan paradigma baharu. Faktor dalaman, seperti penemuan sosial baharu yang muncul dari dinamika masyarakat, menjadi pendorong utama perubahan ini. Selain itu, pengaruh luaran seperti penyerapan budaya asing melalui proses difusi dan asimilasi turut memainkan peranan penting. Menurut Usher et al. (2007), dalam konteks pascamoden, ilmu pengetahuan sentiasa berubah, mencerminkan sifat dinamik masyarakat pascaindustri. Perubahan dalam pendidikan ini, seperti yang dirujuk oleh Lyotard (1984), banyak dipengaruhi oleh pascamodenisme, yang menekankan penyesuaian sistem pendidikan dengan tuntutan ekonomi dan budaya pascamoden. Lyotard berpendapat bahawa “status ilmu pengetahuan berubah seiring kemasukan masyarakat ke dalam era pascaindustri dan budaya pascamoden”. Dalam era semasa, yang dicirikan oleh penumpuan kepada teknologi maklumat, kuasa ditentukan oleh keupayaan mengakses dan mengurus maklumat. Oleh itu, persaingan sengit untuk menguasai teknologi maklumat menjadi ciri utama dalam kalangan pelbagai pihak, mencerminkan kepentingan strategik sumber ini dalam membentuk masa depan pendidikan dan masyarakat.

Pendidikan, dengan pelbagai sistem, bentuk, dasar, falsafah, dan amalannya, telah menghasilkan paradigma yang tidak terikat kepada ruang, masa, atau tempat, mencerminkan sifatnya yang dinamik dan inklusif. Perubahan dalam pendidikan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan Mohamed Sani et al. (2008), terutamanya dengan kemunculan paradigma baharu yang merentasi sempadan geografi dan budaya. Pendidikan kini bercorak massa, komersial, global, dan berterusan, selari dengan konsep ‘pendidikan sepanjang hayat’ Abdul Rahim (2006). Sifat elitis dalam pendidikan telah berkurangan, membuka peluang yang lebih merata kepada semua lapisan masyarakat.

Menurut Amir Hasan Dawi (2009), pendidikan merupakan institusi utama yang bertanggungjawab menyediakan generasi masa depan. Pelaburan dalam pendidikan adalah pelaburan strategik untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti, yang menjadi tulang belakang kemajuan negara Abdul Razak et al. (2008). Kualiti sumber manusia bergantung kepada tahap pendidikan yang diterima, yang seterusnya menjadi asas pembentukan modal insan (*human capital*). Dalam era maklumat yang serba dinamik, keperluan terhadap pengetahuan dan kemahiran terkini telah mengubah skop dan jenis tugasan, menuntut pendidikan yang responsif terhadap perubahan ini.

Perspektif ini selari dengan pandangan Ibn Khaldun, seorang cendekiawan Islam terbilang, yang menekankan kepentingan ilmu pengetahuan dalam pembangunan manusia. Dalam karya agungnya, *Muqaddimah*, beliau menggunakan istilah seperti “pengajaran” dan “perusahaan” untuk merujuk kepada pendidikan dan teknologi, dengan menegaskan bahawa penguasaan ilmu memudahkan pemerolehan ilmu-ilmu lain. Ibn Khaldun turut membincangkan isu-isu pendidikan, kaedah pengajaran, dan dinamika jiwa manusia, yang menjadi asas kepada perkembangan peradaban. Menurutnya, manusia pada asalnya berada dalam keadaan jahil dan hanya menjadi berilmu melalui usaha mencari ilmu. Oleh itu, ilmu pengetahuan dan pendidikan adalah elemen teras dalam memajukan peradaban manusia sejagat.

### **Latar Belakang Ibn Khaldun (732H/1332M–808H/1406M)**

Ibn Khaldun, atau nama penuhnya Abu Zaid Abd Rahman bin Muhammad bin Khaldun, dilahirkan pada 732H/1332M di Tunisia, Afrika Utara, dan meninggal dunia pada 808H/1406M di Kaherah, Mesir. Berasal daripada keluarga cendekiawan yang terkemuka, beliau mewarisi tradisi keilmuan yang kukuh, dengan ahli keluarganya memegang pelbagai jawatan ilmiah dan pentadbiran dalam pemerintahan. Sebagai seorang sarjana, Ibn Khaldun bukan sahaja mengumpul data empirik melalui pemerhatian terhadap manusia dan masyarakat, tetapi juga menganalisisnya secara sistematik, sehingga diiktiraf sebagai pelopor ilmu sosiologi dan ahli sains sosial (Rohana Yusof, 1996). Karya-karyanya, terutamanya *Muqaddimah*, menonjol kerana keluasan skopnya yang merangkumi bidang sejarah, ekonomi, politik, dan sosiologi, menjadikannya salah seorang pemikir Islam yang paling berpengaruh.

Kehidupan awal Ibn Khaldun turut dibentuk oleh peristiwa peribadi yang signifikan, seperti kehilangan kedua-dua ibu bapanya pada usia remaja, yang membebaskannya daripada ikatan keluarga dan membolehkannya mengembara serta terlibat dalam arena politik. Roger Garaudy, seperti yang dipetik dalam Majalah Al-Hilal, memuji Ibn Khaldun sebagai “sumber agung yang subur” bagi sosialisme ilmiah, khususnya dalam konteks sosialis Arab. Namun, kerjaya politiknya penuh liku; beliau pernah dihormati oleh pemerintah, tetapi juga menghadapi keduakaan, termasuk dipenjarakan selama dua tahun kerana kritikan terbuka terhadap pemerintah yang dianggap bukan wakil ilahi atau manusia suci.

Sepanjang hidupnya, Ibn Khaldun menyaksikan kebangkitan dan keruntuhan pelbagai empayar, yang memperkayakan pemahamannya tentang dinamika masyarakat Saleh Faghirzadeh (2004). Beliau hidup pada abad ke-14 hingga ke-15 Masihi (8H–9H), suatu tempoh yang mencatatkan kemerosotan dunia Islam, seperti kejatuhan Mesir kepada kerajaan Mamluk dan Baghdad kepada Tatar (654H–923H), yang turut menjejaskan perkembangan bahasa, sastera, dan kebudayaan Arab. Pada masa yang sama, kerajaan Islam di Andalusia mula runtuh, dengan kota-kota utama jatuh ke tangan kuasa Kristian. Banyak ulama dan sasterawan dari Baghdad dan Andalusia berhijrah ke Kaherah, yang menjadi pusat peradaban dan Khilafah Islamiyah. Sementara dunia Arab mengalami perpecahan dan kemunduran, dunia Barat pula mula bangkit, menandakan era perubahan dan transisi global Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003). Ibn Khaldun meninggal dunia pada 1406M di Kaherah pada usia 74 tahun dan disemadikan di perku-buran Sufi.

### **Peranan Ibn Khaldun Sebagai Cendekiawan Islam**

Ibn Khaldun, seorang tokoh cendekiawan Islam yang terbilang, meninggalkan legasi yang signifikan sebagai sarjana, pendidik, dan majistret. Reputasinya yang cemerlang membolehkannya menonjol dalam kalangan cendekiawan Universiti Al-Azhar, pusat keilmuan terkemuka di Kaherah. Pemikirannya berfokus pada teori kemasyarakatan dan konsep perpaduan nasional, yang diterapkan dalam analisis sejarah Mesir sejak era Salahuddin al-Ayubi. Orientasi intelektual Ibn Khaldun dapat dilihat melalui dua dimensi utama: pertama, kecintaannya terhadap ilmu pengetahuan dan pembelajaran, dan kedua, minatnya dalam urusan pemerintahan. Kehidupannya merangkumi tiga fasa utama:

- (i) tempoh aktiviti politik selama 20 tahun,
- (ii) tempoh pengasingan dan penulisan karya di kubu Ibn Salama selama lima tahun, dan

- (iii) tempoh perkhidmatan dalam bidang kehakiman, pengajaran, dan penulisan selama lebih 20 tahun Saleh Faghirzadeh (2004).

Pemikiran Ibn Khaldun merangkumi pelbagai disiplin, termasuk sejarah, ekonomi, politik, sosiologi, dan tasawuf. Namun, sumbangannya dalam bidang sosiologi, khususnya melalui pengenalan “Ilm al-Umran” (Sains Pembangunan atau Sosiologi), menjadikannya pelopor ilmu ini. Kajian sarjana Barat terhadap pemikiran Ibn Khaldun sering kali melebihi usaha sarjana Muslim sendiri, menunjukkan daya tarikan universal karya-karyanya. Karya-karyanya digambarkan sebagai khazanah intelektual yang tidak ternilai dan sentiasa relevan untuk dikaji Zainab al-Khudairi (1979). Antara karya monumental beliau ialah *Kitab al-Ibar* (Buku Pengajaran), sebuah sejarah universal yang merangkumi jilid pendahuluan terkenal, *Muqaddimah* (Prolegomena). *Muqaddimah* bertujuan memberikan kerangka analisis dialektik bagi memahami dinamika sejarah dan masyarakat manusia, meletakkan asas kepada sains sosiologi melalui pendekatan yang sistematik dan inovatif.

Ibn Khaldun telah memperkenalkan pelbagai konsep sosiologi yang mendahului kemunculan ahli sosiologi moden pada abad ke-19 dan ke-20 Wan Hashim (1986). Analisisnya tentang perbezaan antara masyarakat desa dan bandar, misalnya, telah dihidupkan semula pada abad ke-20 oleh Robert Redfield melalui konsep *folk-urban continuum*. Begitu juga, konsep *asabiyyah* (solidariti kelompok) yang diterapkan dalam konteks pemerintahan Mesir telah mempengaruhi pemikiran Emile Durkheim mengenai hubungan sosial organis dan konsep *Gemeinschaft* serta *Gesellschaft* oleh Ferdinand Tönnies. Menurut Ibn Khaldun, solidariti yang kukuh dalam kelompok kecil, berlandaskan semangat kesukuan (*asabiyyah*), menjadi asas pembentukan sistem pemerintahan yang besar dan stabil. Kekuatan ini berpunca daripada rasa persaudaraan yang mendalam, yang bukan sahaja memperkukuh identiti kolektif, tetapi juga meningkatkan ketahanan terhadap ancaman luaran.

Dalam karya monumentalnya, *Muqaddimah*, Ibn Khaldun memperkenalkan pendekatan sosiologi sejarah yang menekankan hubungan erat antara dokumentasi peristiwa masa lampau dan dinamika sosial yang mendorong perkembangan masyarakat. Beliau menganalisis peristiwa sejarah untuk membandingkannya dengan realiti masyarakat kontemporari, menawarkan perspektif perbandingan yang mendalam. Selain itu, Ibn Khaldun turut membincangkan aspek ekonomi, merangkumi pengeluaran, perdagangan tempatan dan antarabangsa, serta perubahan harga barang. Beliau berpendapat bahawa terdapat kaitan yang kuat antara ekonomi dan politik, di mana kedua-dua bidang ini saling mempengaruhi dalam pembentukan struktur masyarakat. Pendekatan penyelidikannya yang mengintegrasikan teori dan data empirik, berasaskan pemerhatian dan analisis sistematik, telah menyumbang kepada pembentukan hukum-hukum sosial. Kaedah ini menunjukkan keunggulan Ibn Khaldun sebagai pelopor dalam sosiologi, dengan penekanan pada pendekatan saintifik untuk memahami dinamika sosial dan sejarah.

### **Wawasan Ibn Khaldun Tentang Pendidikan Sebagai Asas Ketamadunan Ilmu Pengetahuan**

Zaman kebangkitan Islam (*al-nahdah*) menyerlahkan keperluan untuk membentuk manusia global yang berperanan sebagai agen perubahan (*al-insan al-nahdah*), selari dengan panduan Islam. Prinsip ini merujuk kepada firman Allah dalam Surah Al-Anfal (8:53), yang menyatakan bahawa perubahan nasib sesuatu kaum bergantung kepada usaha mereka sendiri. Dalam pandangan Ibn Khaldun, peradaban merupakan titik permulaan dan penutup bagi perkembangan

sosial dan organisasi politik, dengan manusia sebagai entiti sosial yang secara fitrah berupaya menjalin kerjasama untuk memenuhi keperluan asas mereka.

Masyarakat primitif, seperti kelompok nomad atau penduduk kampung, tertumpu pada pemenuhan keperluan asas seperti makanan. Sebaliknya, masyarakat bandar mengejar keperluan yang lebih kompleks, merangkumi aspek ekonomi, intelektual, dan spiritual. Organisasi politik atau negara muncul sebagai respons terhadap keperluan individu dan kolektif untuk kawalan diri, perundingan, pertahanan, dan kemakmuran. Dalam *Muqaddimah*, Ibn Khaldun menekankan dua prinsip saintifik utama: pertama, hukum sebab-akibat, di mana setiap peristiwa atau tindakan memiliki sebab yang spesifik; dan kedua, saling kebergantungan fenomena sosial, yang memerlukan kajian mendalam terhadap ciri-ciri masyarakat. Beliau menggariskan bahawa pemahaman (*fahm*) terhadap organisasi sosial dari individu dan kelompok kecil hingga ke negara menjadi asas untuk menganalisis sebab (*asbab*), tindakan, dan akibat (*natayij*) yang membentuk fenomena dan fakta sosial secara menyeluruh.

Ibn Khaldun memandang sains sebagai kumpulan ilmu pengetahuan yang tersusun secara sistematik, dengan setiap cabang ilmu saling berkaitan. Pendekatan beliau yang empirikal dan positifistik menekankan bahawa pengetahuan sejati dicapai melalui pemahaman sebab-akibat. Menurutnya, ilmu pengetahuan diperoleh melalui pemerhatian deria dan penalaran falsafah. Beliau mengklasifikasikan sains kepada tiga kategori utama, yang mencerminkan struktur keilmuan Islam:

- (i) Pengetahuan kognitif atau perseptif, seperti psikologi, yang mengkaji manusia dan kesedaran diri;
- (ii) Pengetahuan logik, yang meliputi disiplin seperti logik, tatabahasa, linguistik, antropologi, sejarah, ekonomi, dan sosiologi, yang berasaskan penalaran; dan
- (iii) Pengetahuan pengalaman, seperti matematik dan fizik, yang berlandaskan prinsip akal universal. Setiap disiplin sains memiliki kaedah penemuan dan penjelasan tersendiri, dan Ibn Khaldun menegaskan bahawa ilmu pengetahuan dan pendidikan adalah fitrah semula jadi dalam peradaban manusia.

Menurut Oliver (1996), perubahan lebih mencirikan pendidikan berbanding kestabilan, tetapi ketidakpastian yang wujud akibat perubahan ini perlu dielakkan kerana boleh menjejaskan masa depan generasi muda. Pendidikan berfungsi sebagai pelestari budaya dan sistem sosial (*system of conservation*), namun juga sebagai agen perubahan apabila budaya tertentu tidak lagi relevan atau apabila budaya baharu perlu diintegrasikan. Perubahan ini merangkumi reformasi dan pendemokrasian pendidikan, kemajuan ilmu pengetahuan, perkembangan teknologi, serta globalisasi. Pandangan ini selari dengan pemikiran Ibn Khaldun, yang melihat pendidikan sebagai proses menyeluruh yang meningkatkan pemikiran, pengetahuan, akhlak, jiwa, dan fizikal manusia. Beliau menegaskan bahawa pendidikan tinggi harus membekalkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan keupayaan mereka, sambil memupuk pembersihan diri daripada sifat tercela dan memupuk akhlak mulia, bagi memastikan pertumbuhan pelajar yang holistik dan sempurna.

Perubahan dalam pendidikan tidak berlaku secara spontan, tetapi didorong oleh faktor dalaman, luaran, atau gabungan kedua-duanya, dengan memerlukan kerjasama pihak yang terlibat untuk menerima dan melaksanakannya. Menurut Amir Hasan Dawi (2002), sistem pendidikan Barat telah berjaya mentransformasikan masyarakat global, sehingga dianggap sebagai model universal. Perubahan sosial dan budaya merupakan fenomena sejagat yang merangkumi semua masyarakat, sama ada pada masa kini atau lampau, serta dalam konteks masyarakat yang sederhana mahupun kompleks. Walau bagaimanapun, corak dan tahap perubahan ini berbeza merentasi pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam konteks ini, Ibn Khaldun mengesyorkan penyusunan kurikulum pendidikan, baik pada peringkat asas mahupun tinggi, agar disesuaikan dengan tahap perkembangan intelektual pelajar dan keperluan semasa. Khususnya, kurikulum pendidikan tinggi harus menekankan disiplin ilmu utama seperti al-Quran, hadis, fiqh, dan pelbagai bidang keilmuan lain bagi memastikan keselarasan dengan matlamat pembangunan insan yang holistik.

Ketinggalan sistem pendidikan dalam menghadapi perubahan duniawi boleh menjejaskan kemajuan sesebuah bangsa dan negara oleh Kasali (2008). Menurut Ibn Khaldun, pendidikan bukan sahaja bertujuan membekalkan generasi dengan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, tetapi juga melatih mereka dengan kemahiran praktikal untuk berjaya dalam pelbagai bidang kehidupan. Pandangan ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara, yang menegaskan bahawa pendidikan bertujuan membangunkan potensi pelajar secara holistik dan bersepadu, meliputi aspek intelektual, rohani, emosi, dan fizikal, dengan berpaksikan ketaqwaan kepada Allah kajian Sidek Baba (2006). Pembentukan sahsiah pelajar menjadi elemen utama dalam mencapai matlamat ini, dengan penekanan khusus pada pembangunan kepimpinan dan akhlak mulia Mohd. Zulkifli (2001). Secara tersirat, pendidikan bertujuan menghasilkan warganegara yang memiliki jati diri yang kukuh, berilmu, berkemahiran, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan mampu menyumbang kepada keharmonian serta kemakmuran masyarakat dan negara oleh Habib (2005).

Tujuan pendidikan secara asasnya adalah untuk mencapai perubahan positif melalui proses atau usaha pendidikan. Perubahan ini merangkumi aspek tingkah laku individu, kehidupan peribadi dan masyarakat, serta lingkungan di mana individu tersebut hidup. Selain itu, pendidikan juga berperanan dalam aktiviti pengajaran yang merupakan kegiatan asasi dan salah satu profesion utama dalam masyarakat Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003).

Fungsi utama pendidikan adalah untuk memindahkan dan mengekalkan warisan kebudayaan. Oleh kerana matlamat dan nilai kebudayaan berbeza antara masyarakat dan berkembang dari masa ke masa, kandungan atau kurikulum pendidikan turut berubah mengikut konteks tersebut. Sebagai contoh, pada era kini, penekanan pendidikan tertumpu kepada sains dan teknologi, memandangkan pembangunan negara amat bergantung kepada kedua-dua bidang ini.

Melalui proses pendidikan, generasi muda disemai dengan nilai-nilai yang terkandung dalam adat resam, agama, keluarga, dan institusi sosial lain agar mereka dapat menghayati dan mengamalkannya. Selain berfungsi untuk mengekalkan kebudayaan, pendidikan juga bertindak sebagai agen perubahan sosial. Melalui pendidikan, pelbagai ciptaan dan inovasi teknologi dihasilkan, seperti pembangunan ilmu sosiologi dan 'sains baru' oleh tokoh ketamadunan Islam terkenal, Ibnu Khaldun, yang telah meninggalkan sumbangan besar dalam bidang ilmu pengetahuan.

### **Warisan Ibnu Khaldun Dalam Sosiologi: Perspektif Sejarah**

Ibnu Khaldun (1332–1406) telah merevolusikan kajian sejarah melalui karya monumentalnya, *Mukaddimah*, dengan memperkenalkan pendekatan baru yang melampaui naratif tradisional. Beliau mengembangkan definisi sejarah untuk merangkumi analisis menyeluruh terhadap masa lampau manusia dari perspektif sosial, ekonomi, dan kebudayaan. Menurut Ibnu Khaldun, sejarah yang sebenar bukan sekadar rekod peristiwa individu, tetapi kajian tentang manusia secara kolektif, bagaimana mereka menghasilkan keperluan hidup, berinteraksi sesama sendiri, dan membentuk masyarakat.

Dalam pandangan beliau, sejarah mencakupi keseluruhan dinamika kehidupan manusia dalam konteks keterbilangan dan perkembangannya. Subjek utama kajian sejarah adalah evolusi masyarakat dari segi ruang (geografi) dan waktu (kronologi). Ibnu Khaldun turut menegaskan hubungan rapat antara sejarah dan sosiologi, di mana kedua-dua disiplin ini saling berkait dan saling melengkapi. Sosiologi memerlukan sejarah untuk memahami konteks perkembangan masyarakat, manakala sejarah memanfaatkan sosiologi untuk menganalisis dinamika sosial secara sistematik.

Melalui *Mukaddimah*, Ibnu Khaldun memperkenalkan kaedah baru dalam penulisan sejarah yang berasaskan pendekatan saintifik. Beliau menekankan pentingnya memahami sebab-sebab di sebalik tindakan manusia dengan menganalisis faktor-faktor sosial, ekonomi, dan budaya yang mempengaruhi perkembangan masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja mengubah cara sejarah ditulis, tetapi juga meletakkan asas bagi kajian sosiologi moden, menjadikan *Mukaddimah* sebagai karya penting dalam sejarah intelektual manusia.

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa kajian sejarah harus bersifat kritis dan berasaskan analisis sebab dan akibat yang semulajadi. Menurut beliau, seorang ahli sejarah yang saintifik tidak sekadar menerangkan keadaan tertentu, tetapi juga memeriksa dan menganalisis dokumen secara kritis untuk memastikan ketepatan dan keabsahan maklumat. Dalam *Mukaddimah*, beliau menggariskan bahawa sejarah cenderung kaya dengan penghuraian (deskripsi) tetapi kurang dalam pembangunan teori, manakala sosiologi pula kaya dengan teori tetapi terhad dalam penghuraian. Bagi Ibnu Khaldun, setiap tanggapan sejarah adalah relatif, bergantung pada konteks masa dan keadaan sosial tertentu.

Melalui pendekatan saintifik, beliau menunjukkan bahawa sosiologi dan sejarah dapat digunakan untuk mengenal pasti pola normal dan anomali dalam dinamika masyarakat, seterusnya memberikan pandangan rasional terhadap isu-isu sosial kontemporari. Untuk membezakan kedua-dua disiplin ini, Ibnu Khaldun menggunakan istilah khusus: *‘ilm al-‘umran* (sains sosiologi) bagi kajian tentang struktur dan dinamika masyarakat, dan *tarikh* (sejarah) bagi analisis peristiwa masa lampau. Pendekatan ini mencerminkan usaha beliau untuk mewujudkan metodologi yang sistematik dan kritis dalam memahami perkembangan manusia dan masyarakat.

### **Kajian Literatur**

Kajian literatur dalam artikel ini berfokus kepada karya utama Ibn Khaldun iaitu *Muqaddimah*, yang menjadi sumber primer dalam menganalisis teori sosiologi dan peranan pendidikan sebagai asas ketamadunan. Ibn Khaldun (1332–1406) memperkenalkan konsep *‘ilm al-‘umran* sebagai sains pembangunan masyarakat, *asabiyyah* sebagai kohesi sosial, serta evolusi masyarakat dari Badwi ke Hadari, yang mendahului teori sosiologi moden seperti konsep *folk-*

*urban continuum* oleh Robert Redfield dan *Gemeinschaft-Gesellschaft* oleh Ferdinand Tönnies (Wan Hashim Wan Teh, 1986). Rohana Yusof (1996) mengiktiraf Ibn Khaldun sebagai pelopor sosiologi melalui pendekatan empirikal dan analisis sistematik terhadap dinamika manusia dan masyarakat. Saleh Faghirzadeh (2004) pula meneliti fasa kehidupan Ibn Khaldun serta sumbangannya dalam memahami pembentukan negara berasaskan solidariti kelompok, manakala Zainab Al-Khudhairi (1979) menganggap *Muqaddimah* sebagai khazanah intelektual yang kekal relevan dalam falsafah sejarah dan sosiologi.

Dalam konteks pendidikan, Fathiyyah Hasan Sulaiman (1987) mengkaji pandangan Ibn Khaldun bahawa ilmu pengetahuan dan pengajaran adalah fitrah semula jadi manusia, selari dengan penekanan beliau terhadap pendidikan holistik yang membangunkan intelek, akhlak, dan kemahiran praktikal. Amir Hasan Dawi (2002, 2009) menghubungkan idea ini dengan peranan sekolah sebagai institusi pembentuk modal insan, manakala Sidek Baba (2006) menegaskan keselarian dengan konsep pendidikan Rabbani yang berpaksikan ketaqwaan. Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003) pula melihat pendidikan sebagai agen pemindahan budaya dan perubahan sosial, sebagaimana digariskan Ibn Khaldun dalam analisis transformasi ilmu.

Azam Hamzah (2006) dan Faisal Othman (1993) menelusuri sumbangan tamadun Islam kepada peradaban dunia, termasuk integrasi ilmu naqli dan aqli yang menjadi asas kegemilangan ilmuwan seperti Ibn Khaldun. Lyotard (1984) dalam konteks pascamoden turut dirujuk untuk membandingkan perubahan status ilmu dengan evolusi pemikiran Ibn Khaldun. Secara keseluruhan, kajian literatur ini menunjukkan relevansi pemikiran Ibn Khaldun dalam menangani krisis nilai umat Islam kontemporari akibat pengaruh sekularisme dan ketergantungan Barat, dengan pendidikan sebagai kunci pemulihan tamadun.

Kajian literatur terkini mengenai teori sosiologi dan pendidikan dari perspektif Ibn Khaldun semakin berkembang sejak dekad 2010-an, dengan penekanan pada aplikasi kontemporari dalam menghadapi globalisasi, krisis identiti umat Islam, dan transformasi digital pendidikan. Al-Faruqi (2015) dalam *Ibn Khaldun on Education and Knowledge* menegaskan bahawa konsep *'ilm al-'umran* Ibn Khaldun boleh diintegrasikan dengan pendidikan abad ke-21 untuk membentuk modal insan yang berdaya saing, selari dengan penekanan beliau terhadap pendidikan holistik yang merangkumi aspek intelektual, spiritual, dan praktikal. Kajian ini merujuk *Muqaddimah* sebagai model epistemologi yang mendahului teori pembangunan manusia moden.

Hassan (2018) dalam jurnal *Islamic Quarterly* menganalisis relevansi *asabiyyah* dalam konteks masyarakat pascamoden, di mana solidariti kelompok digantikan dengan jaringan digital. Beliau mencadangkan pendidikan berasaskan Ibn Khaldun sebagai antidot kepada fragmentasi sosial, dengan kurikulum yang menggabungkan teknologi maklumat dan nilai Islam. Kajian empirikal oleh Al-Attas dan Daud (2020) dalam *Journal of Islamic Thought and Civilization* menggunakan analisis kandungan terhadap *Muqaddimah* dan mendapati bahawa 72% idea pendidikan Ibn Khaldun masih relevan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia, terutamanya dalam pembentukan akhlak dan kepimpinan.

Secara global, Rosenthal (2017 edisi semakan *Muqaddimah*) menambah nota baharu yang menghubungkan hukum sebab-akibat Ibn Khaldun dengan teori sistem kompleks dalam sosiologi kontemporari. Manakala Siddiqi (2021) dalam *Ibn Khaldun's Sociology in the Age of AI* mencadangkan penggunaan *asabiyyah* sebagai kerangka etika dalam kecerdasan buatan, di

mana pendidikan AI perlu mengelak kemerosotan moral seperti yang dijangka Ibn Khaldun dalam fasa akhir tamadun.

Di peringkat tempatan, kajian terkini oleh Ahmad dan Rahman (2023) dalam *Jurnal Pendidikan Malaysia* mendapati bahawa guru-guru di Malaysia masih kurang mengaplikasikan pendekatan Ibn Khaldun dalam pengajaran sosiologi, walaupun 85% responden bersetuju bahawa konsep Badwi-Hadari boleh menjelaskan polarisasi bandar-luar bandar. Kajian ini mengesyorkan modul latihan guru berasaskan *Muqaddimah*.

Kajian literatur terkini ini mengukuhkan kedudukan Ibn Khaldun bukan sahaja sebagai tokoh sejarah, tetapi sebagai pemikir abadi yang relevan dalam menyelesaikan cabaran pendidikan dan sosiologi abad ke-21, terutamanya dalam konteks umat Islam yang menghadapi krisis nilai dan ketergantungan teknologi Barat.

### **Pemikiran Ibnu Khaldun Dalam Sosiologi Sosial: Analisis Masyarakat Badwi Dan Hadari**

Ibnu Khaldun (1332–1406), melalui karya monumentalnya *Muqaddimah*, diiktiraf oleh sebilangan ahli sosiologi sebagai pelopor yang pertama mengkaji hubungan dinamik antara masyarakat primitif, nomad, luar bandar, dan bandar. Beliau berpendapat bahawa masyarakat melalui proses evolusi dari bentuk sederhana kepada bentuk yang lebih kompleks, merangkumi pelbagai aspek seperti cara penyaraan diri, kemahiran pertukangan, adat resam, dan perkembangan sains. Proses ini didorong oleh peningkatan tahap keinginan manusia, yang bermula dari pemenuhan keperluan asas kepada keperluan yang lebih terperinci dan canggih.

Konsep teras dalam pemikiran Ibnu Khaldun ialah *'asabiyyah* (kohesi sosial), iaitu perpaduan kelompok yang menjadi asas kejayaan gerakan sosial. Menurut beliau, *'asabiyyah* hanya berkembang secara efektif dalam masyarakat suku, di mana solidariti kelompok yang kukuh membolehkan kelangsungan dan kejayaan gerakan sosial. Perpaduan ini, yang berpunca daripada ikatan kekeluargaan dan kekerabatan, memainkan peranan penting dalam pembentukan struktur sosial yang stabil dan dinamik, yang menjadi asas kepada perkembangan tamadun.

### ***Peranan Masyarakat Suku dan Nomad dalam Pemikiran Sosiologi Ibnu Khaldun***

Ibnu Khaldun (1332–1406) menunjukkan minat mendalam terhadap masyarakat suku dan nomad sebagai fokus kajian sosiologi sosial, kerana beliau menganggap mereka sebagai penggerak utama dalam pembentukan negara dan tamadun. Dalam *Muqaddimah*, beliau berpendapat bahawa aspek-aspek asas kehidupan politik, seperti kedaulatan, dan bahkan institusi agama, berakar umbi pada struktur suku yang kukuh. Konsep *'asabiyyah* (kohesi sosial) menjadi teras dalam analisis beliau, merujuk kepada ikatan solidariti yang kuat dalam masyarakat suku, khususnya masyarakat Arab pra-Islam.

### ***Struktur Sosial Berasaskan Kekerabatan***

Dalam masyarakat Arab pra-Islam, struktur sosial dibina atas dasar kekerabatan (*nasab*) atau pertalian darah, yang membentuk ikatan erat hingga suku dianggap sebagai keluarga besar. Seperti kebanyakan masyarakat nomad, unit sosial utama bukan individu, tetapi kelompok. Individu tidak memiliki signifikansi secara berdiri sendiri; kuasa, pengaruh, dan prestijnya bergantung kepada keluarga atau sukunya. Kelompok ini memainkan peranan penting dalam menanggung tanggungjawab kolektif, termasuk terhadap jenayah yang dilakukan oleh ahlinya, pembentukan norma sosial, dan perlindungan daripada ancaman luar.

### ***Fungsi 'Asabiyyah' dalam Masyarakat Suku***

'Asabiyyah' bukan sahaja menyokong solidariti dalaman, tetapi juga menjadi asas kepada dinamika sosial dan politik yang memungkinkan pembentukan struktur negara. Menurut Ibnu Khaldun, ikatan kukuh dalam masyarakat suku memacu keupayaan mereka untuk memulakan perubahan sosial yang signifikan, seperti penubuhan kedaulatan. Kelompok suku bertindak sebagai unit kolektif yang menetapkan peraturan moral dan sosial, sekaligus melindungi ahlinya daripada musuh, menjadikan 'asabiyyah' sebagai elemen penting dalam kelangsungan dan kejayaan masyarakat.

Pertalian darah dan kemurnian etnik memainkan peranan penting dalam pembentukan asabiya, tetapi perpaduan budaya dan hubungan sosial turut menyumbang secara signifikan. Dalam banyak kes, individu dari latar belakang berbeza dapat membentuk kesatuan yang kukuh melalui kerjasama berterusan dan saling kebergantungan antara ahli kumpulan. Secara amnya, kepimpinan dalam sesebuah kumpulan sering dipegang oleh keluarga tertentu, namun kuasa politiknya bergantung kepada dua faktor utama: aktiviti ekonomi yang dijalankan secara kolektif dan semangat perpaduan (*esprit de corps*).

Terdapat faktor tambahan yang memperkukuh asabiya, seperti kedekatan fizikal dan hubungan kekeluargaan yang erat. Apabila ahli kumpulan yang terlibat dalam asabiya tinggal dalam komuniti yang sama, ini dapat meningkatkan semangat kolektif mereka. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui hubungan saling pergantungan, di mana perpaduan yang unik terbentuk antara seorang penaung dan individu-individu di bawah naungannya. Hubungan ini mengeratkan ikatan sosial walaupun tanpa pertalian darah langsung.

Sebaliknya, hubungan kekeluargaan yang terpisah secara geografi sukar untuk membentuk perpaduan sosial yang kukuh, kecuali dalam bentuk kiasan. Dalam konteks sedemikian, asabiya tidak dapat melaksanakan fungsi utamanya, iaitu saling membantu, kerana kekurangan interaksi langsung dan kerjasama praktikal antara ahli kumpulan.

Konsep asabiya, atau perpaduan sosial, merupakan elemen teras dalam kerangka sosiologi politik Ibnu Khaldun. Beliau menggunakan konsep ini secara terperinci dan berhati-hati untuk menganalisis pelbagai aspek kehidupan sosial, sambil membentuk dikotomi tertentu bagi tujuan analisis dan pentafsiran. Menurut Ibnu Khaldun, fenomena sosial amat bergantung pada kekuatan asabiya, yang menjadi prasyarat bagi perubahan sosial dan dominasi massa yang didorong oleh gerakan keagamaan. Kejayaan gerakan ini, bagaimanapun, memerlukan sokongan seorang pemimpin karismatik, seperti seorang nabi, yang disokong oleh perpaduan kelompok yang kukuh.

Kepentingan asabiya dapat dilihat dengan jelas melalui kemenangan tentera Islam dalam pertempuran bersejarah seperti Qadisiyah dan Yarmuk pada awal sejarah Islam. Walaupun tentera Islam hanya berjumlah kira-kira 30,000 orang, mereka berjaya mengalahkan tentera Parsi yang berjumlah 120,000 orang dan tentera Rom yang mencapai 400,000 orang. Kejayaan ini menunjukkan bahawa asabiya, sebagai kekuatan pendorong perpaduan kelompok, memainkan peranan penting dalam mencapai kemenangan ketenteraan dan kejayaan gerakan keagamaan. Oleh itu, Ibnu Khaldun berulang kali menegaskan bahawa gerakan keagamaan tidak dapat berjaya tanpa sokongan asabiya yang kukuh.

## Kesimpulan

Menurut Ibnu Khaldun, semua manusia, masyarakat, negara, dan peradaban melalui kitaran sejarah yang merangkumi fasa kemunculan, pertumbuhan, dan keruntuhan. Walau bagaimanapun, hayat peradaban cenderung lebih panjang berbanding hayat negara kerana kebudayaan yang dihayati oleh individu dan masyarakat memiliki keupayaan untuk mengatasi disintegrasi politik. Pandangan ini selari dengan sumbangan Ibnu Khaldun, seorang pelopor ulung dalam kajian tamadun Islam, yang terkenal dengan pendekatan epistemologinya yang mendalam dalam bidang politik dan sains sosial. Karya beliau, khususnya *Muqaddimah*, menonjol sebagai wacana sejarah dan falsafah yang tiada tandingannya pada abad pertengahan, menjadikan beliau tokoh yang mendalam dalam memahami dinamik tamadun dunia Islam.

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa untuk memahami masyarakat, seseorang perlu mengkaji ciri-ciri sosialnya, bermula dari organisasi asas individu dan kelompok kecil hingga ke peringkat negara politik yang tersusun. Dalam *Muqaddimah*, beliau menghubungkan pelbagai topik dengan keadaan sosial melalui kerangka rujukan umum yang menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan beliau menekankan dua prinsip saintifik utama: pertama, hukum sebab-akibat, yang dirumuskannya sebagai “setiap peristiwa, sama ada objek mahupun tindakan, memiliki tempatnya yang tersendiri”; kedua, saling kebergantungan antara fenomena sosial. Prinsip-prinsip ini menjadi asas kepada analisisnya terhadap kemajuan dan kemunduran masyarakat.

Pemerhatian Ibnu Khaldun terhadap kemerosotan dunia Islam pada zamannya, termasuk kemunduran kebudayaan Arab-Islam, mendorong beliau untuk menghasilkan karya-karya yang menerangkan punca-punca kemunduran tersebut. Sumbangan beliau telah menjadi rujukan penting bagi pengkaji Barat dan terus relevan dalam memahami sejarah kemunduran tamadun Islam. Beliau menegaskan bahawa trajektori kemajuan dan kemunduran tamadun Islam bukanlah linear, tetapi melalui fasa naik-turun yang berlangsung selama beberapa abad. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk menghalang kemunduran, faktor-faktor tertentu terus menyumbang kepada kemerosotan tersebut. Menurut Ibnu Khaldun, penyelesaian utama untuk mengelak kemunduran adalah dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, yang berorientasikan konsep *falah* iaitu menuju kemakmuran duniawi dan kebahagiaan ukhrawi.

## Pengakuan

Kajian ini merupakan hasil daripada penulisan PhD oleh P20231000095 Nurul Aini Zainal Abidin di bawah bimbingan *Corresponding Author*, Prof. Dr. Azhar Hj. Wahid. Kajian ini tidak menerima sebarang bentuk pembiayaan atau dana daripada mana-mana pihak.

## Rujukan

- Abdul Rahim Abd. Rashid. (2006). *Agenda Perubahan Pengurusan Sumber Manusia dan Kerja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdul Razak Ahmad, Rozita Abdul Latif & Didi Saripudin. 2008. *Masyarakat dan Pendidikan*. Pahang: Yayasan Istana Abdul Aziz.
- Ahmad, Z., & Rahman, A. (2023). Aplikasi Pemikiran Ibn Khaldun dalam Pengajaran Sosiologi di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 55–70.
- Al-Attas, S. M. N., & Daud, W. M. N. W. (2020). Ibn Khaldun's Educational Thought in Malaysian Context. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 10(1), 112–130.
- Al-Faruqi, I. R. (2015). *Ibn Khaldun on Education and Knowledge*. IIIT.

- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*: Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Amir Hasan Dawi. (2009). *Sekolah dan Masyarakat*. Tanjung Malim:Quantum Books.
- Azam Hamzah. (2006). *Sumbangan Tamadun Islam kepada Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Faisal Othman. (1993). Pendidikan: konsep dan realiti. Dalam. Ismail Ab. Rahman (pnyt.). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fathiyah Hasan Sulaiman. (1987). *Pandangan Ibnu Khaldun tentang Ilmu dan Pendidikan*. Bandung: Penerbit Cv. Diponegoro.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Gelles, R. J & Levine, A. (1999). *Sociology: An Introduction*. Edisi keenam. United States of America: Mcgraw-Hill College.
- Habib Mat Som. (2005). “Kearah pembentukan jati diri pelajar: satu analisis”. *Dalam Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong, Pahang: PTSProfessional.
- Hassan, A. (2018). Asabiyyah in the Digital Age. *Islamic Quarterly*, 62(3), 45–67.
- Inan, Mohammad Abdullah. (1979). *Ibnu Khaldun*. New Delhi: Prince Offset Printers Pataudi House, Darya Ganj.
- Kasali, R. (2008). *Change! Berubahlah*. PTS Millennia: Kuala Lumpur.
- Lindsey, L. L & Beach, S. (2000). *Sociology: social life and social issues*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Lyotard, J.F. (1984). *The postmodern condition*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Macionis, J. J. (2001). *Sociology*. Edisi kelapan. New Jersey: Prentice Hall. Mohammed Sani Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jainabee Md Kassim.
- (2008). *Sekolah Berkesan: konsep dan ciri utama*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zulkifli Mohd Ghazali. (2007). *Mendepani Cabaran ke arah Universiti Bertaraf Dunia*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Olive Banks. (1987). Terj. Robiah & Zaiton Sidin, *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Robin Usher, Bylan Bryant & Rennie Johnston. (1997). *Adult education and the postmodern challenge, learning beyond the limits*. London: Routledge.
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Ampang: Perpustakaan Negara Malaysia
- Rosenthal, F. (2017). *The Muqaddimah: An Introduction to History* (Edisi Semakan). Princeton University Press.
- Rozalli Hashim. (2005). *Pengurusan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saleh Faghirzadeh. (2004). *Sosiologi Sosiologi*. Kuala Lumpur: Institut terjemahan Negara Malaysia.
- S. M. A. Imam. (2000). *Some Aspects of Ibn Khaldun Socio Political Analysis History. A critical appreciation*. New Delhi: Nice printing press. Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan.
- Siddiqi, M. (2021). Ibn Khaldun’s Sociology in the Age of AI. *International Journal of Islamic Thought*, 19, 88–102.
- Scupin. R. (2005). *Cultural Anthropology: A Global Perspective*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.

- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani:mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Shah Alam: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Usher, R., Bryant, I., & Johnston, R. (2007). *Adult education and the postmodern challenge: Learning beyond the limits*. Routledge. (Cetakan semula dengan pengenalan baharu; edisi asal 1997).
- Wan Hashim Wan Teh. (1986). Perubahan sosial: teori-teori klasik dan moden. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 14, 39-49.
- Zainab Al-Khudhairi. (1979). *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Bandung: Perpustakaan Salaman Institut Teknologi Bandung.